

Anwar umum langkah atasi kejatuhan ringgit, saham hari ini

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan dasar dan langkah drastik kerajaan untuk menangani pelbagai isu ekonomi termasuk kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham negara, hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, perkara itu dijangka diumumkan semasa lawatan Perdana Menteri ke Suruhanjaya Sekuriti, tengah hari ini.

"Biarlah perkara-perkara dasar seperti itu Perdana Menteri umumkan.

"Pada pukul 12 tengah hari

esok (hari ini), Perdana Menteri akan melawat Suruhanjaya Sekuriti, dijangka beliau akan umumkan tentang isu-isu berkaitan ekonomi," katanya diminta mengulas apakah langkah-langkah diambil kerajaan untuk mengekang kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian ditemui selepas mengadakan lawatan ke Wisma Bank Simpanan Nasional (BSN) Johor, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Sebatang, Hasrunizah Hassan

dan Pengarah BSN Johor, Mohamad Zulkarnain Ismail.

Pada masa ini, nilai tukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat ialah RM4.6 pada waktu ini.

Dalam pada itu, Ahmad memaklumkan, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 3 akan mulai dibayar kepada 8.4 juta penerima melibatkan peruntukan RM2.14 bilion sebelum sambutan Hari Raya Aidiladha yang dijangka pada 29 Jun ini.

Sumbangan e-Tunai RM200 kepada golongan belia 18 hingga 21 tahun juga akan diberikan pada minggu ketiga Jun ini.